

16/11/1999

Polis terima aduan penyokong pembangkang bertindak ganas

PADANG BESAR, Isnin - Kementerian Dalam Negeri (KDN) sudah mengesan tanda-tanda kecil yang boleh menjurus kepada berlakunya kekacauan pada pilihan raya umum kesepuluh pada 29 November ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Azmi Khalid, berkata beliau dimaklumkan Barisan Nasional (BN) Perlis sudah membuat laporan polis malam tadi berhubung kekasaran yang ditimbulkan oleh pembangkang.

Katanya, beliau yakin masalah itu juga berlaku di negeri lain berikutan sikap agresif penyokong pembangkang, terutama kerana berebut lokasi strategik untuk menaikkan bendera serta poster.

"Polis sudah diarah bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan, termasuk memerhatikan tindakan liar penyokong parti politik yang mungkin menimbulkan masalah.

"Saya juga mahu mengingatkan pemimpin parti pembangkang supaya berwaspada kerana sikap mereka yang selama ini menanam rasa membenci di kalangan ahlinya terhadap pemimpin BN boleh mencetuskan huru hara.

"Apabila perasaan itu sudah sampai ke kemuncak, ia boleh meletup.

"Polis sentiasa memantau perkembangan itu," katanya ketika ditemui di Wang Kelian, dekat sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengingatkan Pemuda BN supaya bekerjasama dengan pasukan keselamatan untuk menjaga keamanan kerana kemungkinan pembangkang khususnya Keadilan mengadakan rusuhan bagi menggagalkan pilihan raya kali ini.

Dalam perkembangan lain, Azmi berkata, Pas tidak mampu membawa kemakmuran dan kemajuan kepada rakyat, khususnya umat Islam kerana parti itu tidak mengambil daya usaha ke arah itu.

Sebagai contoh, katanya, kerajaan Pas di Kelantan tidak pernah mengemukakan sebarang cadangan kepada KDN untuk bersama-sama menangani masalah dadah yang membabitkan ramai belia Melayu di negeri itu.

"Kelantan menghadapi masalah dadah ketiga paling besar di negara ini tapi kerajaannya tidak mengambil sebarang tindakan untuk mengelak masalah itu menjadi semakin serius," katanya.

Beliau berkata, kalau tindakan mencegah dan memerangi ancaman dadah di kalangan umat Islam pun tidak mampu dilakukan oleh Pas, bagaimana parti itu boleh menjanjikan kemakmuran dan kemajuan.

"Kita kesal kerana (Datuk) Nik Aziz (Nik Mat) kata tidak mengapa umat Islam miskin di dunia asalkan kaya di akhirat. Itu ajaran salah kerana Islam tidak menuntut umatnya menjadi miskin," katanya.

Azmi berkata, jika rakyat mengikut fahaman Islam yang dibawa oleh Pas, bangsa Melayu dan umat Islam di negara ini akan mundur dan tidak dihormati oleh penganut agama lain.

(END)